

11/04/1997

Menangani gejala sosial dengan doa

Abdurrahman Haqqi

SEORANG sahabat berjumpa saya minggu lalu sebelum dia pergi haji. Dia berkata, "Patutlah kita tak dengar ada orang yang menunaikan ibadat haji yang menjadi miskin papa". "Apa sebab?", tanya saya. Diapun menjawab: "Perhatikan saja doa-doa yang ada dalam buku panduan manasik haji dan umrah, kebanyakannya mengandungi doa dimurahkan rezeki!".

Saya pun kemudiannya teringat dan terbayang bacaan manasik berkenaan. Sememangnya, daripada awal lagi sebelum pergi haji doa-doanya sudah menyentuh memohon kemurahan rezeki. Rizqan hasanan wa rizqan thayyibana atau rezeki yang baik, rizqan halalan atau rezeki yang halal dan rizqan katsiran wa jazilan atau rezeki yang banyak sangat mendominasi doa terbabit.

Ia kita pohonkan ketika bertawaf tujuh pusingan, bersa'i tujuh balik, berada di Hijir Ismail, berada di Multazam (tempat di antara hajar Aswad dan pintu Kaabah), berada di Maqam Ibrahim, di Arafah, ketika Mabit di Muzdalifah, ketika berada di Mina dan ketika Tawaf Wada'. Walhal kita memohonnya di setiap tempat dan dalam setiap kesempatan selama kita berada di kedua-dua kota suci Makkah dan Madinah. Jika demikian halnya, bagaimana tidak dikabulkan Tuhan doa mereka sedangkan mereka adalah Duyuf ar-Rahman atau Tetamu Allah?.

Saya pun bertafakur selepas itu mengapa kita tidak menggunakan doa untuk menangani gejala sosial yang sedang melanda kita di samping program yang sudah ada? Tidakkah elok jika di sebalik Rakan Muda, program kaunseling dan nasihat, rakan masjid, Khidmat Sosial dan aktiviti lain di luar konsep Rakan Muda ada doa ikhlas dan murni? Jika program terbabit adalah aktiviti fizikal, maka doa adalah rohnya.

Dalam hadis sahih, Nabi pernah bercerita kepada sahabat mengenai tiga orang yang terjebak dalam sebuah gua. Mereka tidak boleh keluar dari gua itu kerana pintunya tertutup batu. Bertungkus lumus mereka berusaha menyingkirkan batu berkenaan tetapi tanpa hasil. Akhirnya setiap seorang daripada mereka diminta untuk berdoa secara ikhlas dan sejujur-jujurnya. Selepas orang pertama berdoa dengan ikhlas, bergeserlah dengan sendirinya batu berkenaan. Demikian juga dengan orang kedua dan ketiga yang pada akhirnya mereka boleh keluar dari gua itu.

Nabi bersabda: "Doa adalah ibadat", kemudian baginda membaca ayat 60 surah Ghafir yang bermaksud "Berdoalah kamu kepadaku nescaya Aku Perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina," (HR. Ahmad & Ashab as-Sunan).

Salah satu daripada tiga perkara yang dianugerahkan kepada umat Islam manakala bagi umat lain ia hanya khusus diberikan kepada nabi mereka saja adalah berdoa. Jika kepada umat lain dikatakan kepada nabi mereka: "Berdoalah kamu, nescaya Aku akan perkenankan doamu", tapi kepada umat Muhammad dikatakan "Berdoalah kalian, nescaya Aku akan perkenankan doa kalian". (Ibn Katsir, Tafsir al-Quran al-Azim, dua perkara lain adalah sebagai saksi dan kemudahan dalam beragama).

Dalam sebuah hadis Nabi bersabda "Siapa yang tak pernah berdoa kepada Allah dia akan dimarahi-Nya". (HR. Ahmad & al-Bazzar).

Doa sebagai luahan hati, fikiran dan perasaan menghadapi, mengingini dan mengharapkan sesuatu yang positif memang kita perlukan. Ia menandakan kekerdilan serta kelemahan kita dan menggambarkan kebesaran serta kekuasaan Allah. Ia sebagai senjata kita untuk digunakan menurut kehendak

kita dengan tanpa memerlukan suatu alat yang konkrit atau nyata kerana ia berada dalam hati nurani kita yang dapat dilihat melalui gerakan bibir dan tadahan tangan kita.

Sebuah hadis Qudsi Allah berfirman: "Aku sentiasa bersama hamba-Ku selagi dia mengingati-Ku dan menggerakkan bibirnya (berdoa dan berzikir) kepada-Ku". (Riwayat Ahmad) Nabi pun bersabda: "Sesungguhnya Allah akan berasa malu jika melihat hamba-Nya menadahkan kedua-dua tangannya berdoa untuk kebaikan kemudian Dia menghampakannya dengan tidak memperkenan hajatnya".

Islam mengajar kita bahawa Allah berjanji akan menjawab setiap doa kita, ud'uni astajib lakum. Tapi, dalam realitinya mengapa kita dapati bahawa banyak doa kita yang tidak diperkenankan? Untuk menjawabnya ada baiknya mari kita semak sabda Nabi yang bermaksud "Tidaklah seorang Muslim berdoa kepada Allah untuk kebaikan dan bukan untuk berbuat dosa dan memutuskan tali silaturrahim kecuali diperkenankan Allah dengan salah satu tiga cara iaitu diperkenankan langsung doanya atau disimpan untuk hari esok atau diganti dengan menolak keburukan daripadanya sebesar kadar doanya'. Sahabatpun berkata: "Jika demikian, kita akan banyak berdoa'. Nabi pun berkata lagi: "Allah lebih banyak lagi jawabannya" (Riwayat Ahmad).

Jadi, memang kita memerlukan ustaz, tok iman, tok guru bahkan pemimpin untuk berdoa pada majlis ilmu dan zikir, surau, masjid dan di setiap tempat dan dalam setiap kesempatan demi mengatasi gejala sosial yang dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai sudah mencapai tahap serius.

(END)